

PM terima kunjungan Duta AS

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan hormat Duta Besar Amerika Syarikat (AS) ke Malaysia, Edgard D Kagan di sini, semalam.

Dalam pertemuan berkeajaan, mereka berbincang mengenai hubungan dua hala yang sudah terjalin sejak sekian lama di antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS).

"Kami juga memberi fokus kepada kerjasama bidang ekonomi dan teknologi yang menjadi kepentingan bersama selain pensijilan halal.

"Kami turut menyentuh soal Kepengerusan ASEAN 2025, terutama terkait Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Amerika Syarikat," kata Perdana Menteri di media sosial.

Anwar berkata, Malaysia juga mengundang Presiden AS, Donald Trump menghadiri Sidang Kemuncak Asia Timur yang dijadualkan berlangsung hujung tahun ini.



Anwar bersama Edgard D Kagan di Putrajaya, semalam.

(Foto ihsan FB Anwar Ibrahim)